

03 MAR 1998

Mahathir-Teknologi

TEKNOLOGI TANPA MORAL MEROSAKKAN, KATA PM

PETALING JAYA, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan bahawa teknologi yang tidak disertai nilai moral boleh mendatangkan akibat yang merosakkan, telah menyarankan supaya institusi pengajian tinggi di negara ini turut mengadakan kursus mengenai nilai moral.

Pensyarah-pensyarah asing yang beliau temui juga berpendapat bahawa universiti-universiti patut mempunyai "kerusi etika," katanya ketika berucap di Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT) di sini.

"Satu daripada sebab masalah yang sedang kita hadapi sekarang -- kegawatan ekonomi dan matawang -- berpunca daripada kemajuan teknologi," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya pemberita kemudian mengenai perimbangan antara moral dan teknologi itu, Dr Mahathir berkata beliau telah bercakap dengan beberapa ahli akedemik dari negara asing dan mereka bersetuju bahawa perkembangan teknologi yang begitu pesat memberi kuasa kepada orang yang menguasai teknologi itu.

"Kalau mereka tidak imbangi teknologi dengan nilai-nilai yang lebih baik, kemungkinan ialah teknologi itu akan digunakan secara yang tidak mendatangkan manfaat bahkan boleh merosakkan masyarakat.

Dalam ucapannya kepada pelajar institut itu, Dr Mahathir berkata antara keajaiban teknologi moden ialah ia membolehkan seseorang menjual satu trilion dolar dalam masa sesaat sahaja.

"Ini seharusnya baik untuk kita tetapi malangnya ia tidak baik untuk sesetengah negara termasuk Malaysia," kata beliau.

Pada masa lepas, mereka yang melakukan perdagangan komoditi memerlukan kapal, keretapi dan masa yang lama untuk membawa barangan berkenaan dari setempat ke setempat tetapi kini keadaan sudah berubah, katanya.

Sekarang orang boleh berurusanniaga matawang tanpa perlu menggerakkan matawang itu sama-sekali. "Mereka hanya perlu menggerakkan jari pada skrin TV yang dihubungkan ke seluruh dunia," katanya.

Jumlah sebenar wang yang terlibat dalam urusanniaga itu mungkin menjangkau sehingga trilion dolar tetapi mereka boleh melakukannya tanpa perlu menggerakkan walau sedolar pun, kata Perdana Menteri.

"Saya yakin LICT akan memainkan peranan penting dalam melahirkan bakat kreatif di Malaysia. Dan dengan adanya penuntut asing di sini, mereka juga akan turut mewujudkan keseimbangan di negara lain. Ini akan memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya," kata beliau.

Dr Mahathir berharap mereka yang datang untuk belajar di Malaysia tidak akan menghadkan diri mereka kepada pengetahuan yang mereka kehendaki semata-mata. Mereka sebaliknya hendaklah juga melihat cara hidup rakyat negara ini.

"Antara sebab kita menghantar pelajar kita ke luar negara ialah untuk mendedahkan mereka kepada budaya asing yang berbeza. Dengan kedatangan pelajar luar untuk belajar di Malaysia, maka akan sia-sialah jika kita tidak menggunakan masa mereka di negara ini untuk membolehkan mereka mempelajari sesuatu mengenai rakyat Malaysia.

"Hanya setelah kita memahami budaya dan cara hidup pelbagai masyarakat lain, barulah kita dapat belajar menjadi lebih bertoleransi terhadap mereka, dan dunia sangat-sangat memerlukan toleransi kerana dengan perkembangan teknologi yang pesat kini, kita mungkin terlupa akan nilai-nilai seperti itu."

Ketika ditanya mengenai peluang mendapat pekerjaan oleh para graduan sekarang, Dr Mahathir berkata peluang pekerjaan memang ada dan jika peluang itu tiada, mereka boleh membuat kerja sendiri asalkan mereka ada kemahuan.

"Kita jangan kira sangat tempat kerja, banyak mana gaji, kalau nak buat cara dulu, nak minta yang bukan-bukan, susahlah," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya para graduan yang sudah mendapat kemahiran asas menggunakan masa lapang mereka untuk menambah ilmu dengan mempelajari bidang lain termasuk komputer kerana ia sangat mudah dipelajari. -- BERNAMA

AFY RN NMO